



## **IMBASAN PELAJARAN SEBELUM INI**

**Antara orang-orang yang tersalah jalan ialah apabila mereka terperangkap dan terpedaya dengan :**

- i) Tasybih – menyerupakan zat Allah dengan makhluk, walaupun dalam satu hal.
- ii) Hulul – merasakan dirinya bersatu dengan (zat) Allah.
- iii) Ittihad – merasakan(zat) Allah bertempat pada dirinya.
- iv) Meyakini bahawa makhluk terjadi daripada zat Allah (sama ada 100 %, atau sebahagian, atau sekecil mana sekalipun).

**Maqam-maqam dalam perjalanan/pengembaraan ilmu :**

- i) Permulaan ilmu itu engkau berasa hebat diri dan sombong diri.
- ii) Pertengahan ilmu itu engkau berasa rendah diri dan kecil diri.
- iii) Akhir ilmu itu engkau berasa kosong diri dan tiada diri.

Selagi ada perasaan hebat, bangga, ujub, lebih, terbaik dan sebagainya, selagi itulah engkau duduk pada maqam permulaan ilmu.

atau sehebat mana angkat terperasan dan merasakan, atau sehebat mana engkau dirasakan oleh orang lain.

## PERKONGSIAN UNTUK MALAM INI

*Imam Al-Ghazali menulis* : Bahawa kelazatan yang paling agung dan paling tinggi ialah **mengenal Allah Ta'ala** dan **memandang kepada Wajahnya Yang Mulia**. Dan tidak tergambar bahawa diutamakan kelazatan yang lain daripadanya, **kecuali orang yang telah diharamkan dari kelazatan ini**.

Ketahuiilah bahawa kelazatan2 itu mengikut perasaan. Dan manusia itu mengumpulkan sejumlah dari kekuatan2 dan gharizah2 (instink2).

(ms 444) Bagi setiap kekuatan dan gharizah itu mempunyai kelazatan. Kelazatan pada mencapainya itu menurut kehendak tabiatnya, yang diciptakan untuknya.

Bahawa gharizah-gharizah itu tidaklah disusun pada manusia dengan sia-sia. Akan tetapi setiap kekuatan dan gharizah itu disusun kerana sesuatu dari hal-hal yang dikehendaki menurut tabiat.

Gharizah marah itu diciptakan untuk kesembuhan hati dan menuntut balas. Maka tidak dapat dibantah, bahawa kelazatannya pada kemenangan dan menuntut balas itulah, yang dikehendaki tabiatnya.

Gharizah keinginan makanan umpamanya, dijadikan untuk menghasilkan makanan, yang dengan makanan itu dapat berdiri. Maka tidak dapat dibantah, bahawa kelazatannya pada memperoleh makanan itu, itulah yang dikehendaki oleh tabiatnya.

Seperti demikian juga, kelazatan mendengar, melihat dan mencium pada penglihatan, pendengaran dan penciuman. Tidak terlepas salah

satu dari gharizah-gharizah itu, dari kepedihan dan kelazatan, dengan dikaitkan kepada yang diidrakkannya.

Begitulah, **pada hati itu gharizah yang dinamakan nur Ilahi**, krna firman Allah : ***“Apakah orang yang dibukakan oleh Allah adanya menerima Islam, dia mendapat nur dari Tuhannya.”*** (Az-Zumar : 22)

Kadang-kadang nur itu dinamakan **akal**. Kadang-kadang dinamakan **mata hati batiniyyah**. Dan kadang2 dinamakan **nur iman** dan **yakin**.

**Tak adalah erti menyibukkan diri dengan nama-nama**. Bahawa istilah itu bermacam-macam. Orang yang lemah menyangka bahawa perselisihan itu terjadi pada erti. Kerana orang yang lemah itu mencari erti dari lafaz. Dan itu kebalikan yang wajib.

Hati itu berbeza dgn bahagian2 badan yg lain, dgn sifat memberitahu erti, yg tidak menjadi khayalan dan dirasakan dgn pancaindera.

Seperti diketahuinya kejadian alam. Atau berhajatnya alam kepada Khaliq yang qadim, Yang Mengatur, Yang Maha Bijaksana, yang bersifat dengan sifat-sifat keTuhanan.

Marilah kita namakan **gharizah itu akal**, dengan syarat, bahawa tidak difahami dari lafaz akal akan apa yang dengan itu dapat diketahui jalan-jalan bertengkar dan bertukar fikiran. Telah terkenallah nama akal dengan ini. Dan kerana itulah dicela oleh sebahagian kaum sufi.

Jikalau tidak, itu adalah sifat yg membezakan manusia dan haiwan.

Dengan sifat itu diketahui, bahawa ma’rifah kepada Allah Taala itu sifat yang termulia. Maka tiada sayugialah bahawa sifat itu dicela. Dan gharizah ini diciptakan untuk diketahui hakikat semua urusan. Maka yang dikehendaki oleh tabiatnya ialah **ma’rifah dan ilmu**. Dan **itulah**

**kelazatannya.** Sebagaimana yang dikehendaki oleh gharizah-gharizah lain ialah kelazatannya.

(445) Tidaklah tersembunyi bahawa pada ilmu dan ma'rifah itu kelazatan. Sehingga orang yang dihubungkan kepada ilmu dan ma'rifah, walaupun pada sesuatu yang rendah, nescaya ia bergembira. Dan orang yang dihubungkan kepada kebodohan, walaupun pada barang yang tidak berharga, nescaya ia bersusah hati.

Orang yg pandai dengan permainan catur, dgn rendahnya permainan itu, tidak sanggup berdiam diri padanya, daripada mengajarkannya. Lidahnya terlepas dgn menyebutkan apa yg diketahuinya.

Semua itu adalah kerana bersangatan lazatnya ilmu dan apa yang dirasakan daripada kesempurnaan diri ilmu itu. Bahawa ilmu itu termasuk hal yang terkhusus dari sifat-sifat keTuhanan. Dan Dialah kesudahan kesempurnaan.

Kerana itulah tabiat manusia merasa senang, apabila ia dipujikan dengan cerdas dan banyak ilmu. Kerana ia merasa ketika mendengar pujian itu, akan kesempurnaan dirinya dan kesempurnaan ilmunya. Lalu ia menghairani diri dan merasa enak dengan yang demikian.

Kemudian, tidaklah kelazatan ilmu itu dengan membajak tanah dan menjahit, seperti lazatnya ilmu dengan mengendalikan pemerintahan dan mengatur urusan makhluk.

Dan tidaklah kelazatan ilmu itu dengan tatabahasa dan syair, seperti lazatnya ilmu mengenai Allah Taala, sifat-sifatNya dan malaikat-malaikatNya, kerajaan langit dan bumi.

Akan tetapi kelazatan itu menurut kadar kemuliaan ilmu. Dan kemuliaan ilmu itu menurut kadar kemuliaan yang diketahui.

Sehingga orang yang mengetahui hal ehwal batin manusia dan menceritakan dengan yang demikian, memperoleh kelazatan baginya. Dan kalau tidak diketahuinya, nescaya tabiatnya menghendaki untuk menyelidikinya.

Kalau ia mengetahui hal ehwal batin kepala negeri dan rahsia pengaturannya pada pimpinannya, nescaya adalah yang demikian itu lebih enak baginya dan lebih baik, daripada ilmunya dengan hal ehwal batin petani atau penenun kain.

Kalau dapat ia mengetahui rahsia menteri dan pengaturannya dan apa yang menjadi azamnya pada urusan kementerian, maka itu lebih merindukan dan enak baginya pada rahsia pada pemerintahan (raja atau presiden).

Kalau ia tahu dengan batin hal ehwal raja dan sultan, yang berkuasa atas menteri, nescaya adalah yang demikian itu lebih terasa baik baginya dan terasa enak, daripada diketahuinya batin rahsia2 menteri.

Pemujian dengan yang demikian dan keinginannya kepada yang demikian dan kepada pembahasannya itu lebih kuat. Dan keinginannya bagi yang demikian itu lebih banyak. Kerana kelazatannya pada yang demikian itu lebih besar.

(446) Dengan ini jelaslah bahawa ma'rifah (mengenal) yang paling lazat ialah yang paling mulia daripadanya. Kemuliaan itu menurut kemuliaan ilmu yang diketahui.

Kalau dalam ilmu yang diketahui itu ada yang lebih agung, lebih sempurna, lebih mulia dan lebih besar, maka mengetahuinya itu sudah pasti menjadi ilmu yang paling lazat, paling mulia dan paling baik.

Kiranya aku dapat mengetahui, **adakah pada alam wujud ini yang lebih agung, lebih tinggi, lebih mulia, lebih sempurna dan lebih besar, daripada Pencipta segala sesuatu seluruhnya, Penyempurnanya, Penghiasnya, Pengadakannya, Pengulanginya, Pengaturnya dan Penyusunnya?**

Adakah tergambar bahawa ada pada kepunyaan kesempurnaan, keelokan, kebagusan dan keagungan itu yang lebih agung dari hadrat keTuhanan, yang tidak diliputi dengan pokok-pokok keagungan dan keajaiban hal ehwalnya, oleh penyifatan orang-orang yang menyifatkan?

### **Rumusan Pelajaran Malam Ini**

- ❖ Kenikmatan dan kelazatan yang paling tinggi yang paling agung dan paling tinggi di dunia ini ialah mengenal Allah (ma'rifatullah) dan “memandang” Wajah-Nya.
- ❖ Orang-orang yang tidak dapat merasai nikmat dan lazatnya ma'rifatullah, mereka mestilah ada rasa risau. Dikhuatiri mereka memang tidak dipilih oleh Allah sejak azali untuk menikmati kelazatan ini. Dikhuatiri mereka termasuk ke dalam golongan yang diharamkan oleh Allah untuk menikmati kelazatan ini.
- ❖ Sebagai Ahlus Sunnah wal Jamaah (ASWJ), walau apa pun ketentuan Allah pada azali dahulu, kita mestilah gigih memohon kepada-Nya dan gigih berusaha untuk mendapatkan ma'rifatullah.
- ❖ Allah mengurniakan nur kepada hamba-hamba pilihan-Nya. Nur ini dikenali dengan pelbagai nama, tetapi membawa maksud yang serupa. Memang sudah menjadi kebiasaan Imam Al-Ghazali dan ikhwan Tariqah Al-Ghazaliyyah, mereka tidak suka menghabiskan masa dan tenaga dengan membahaskan pelbagai istilah. Cukup dengan satu dua istilah asalkan berpotensi untuk sampai kepada tujuan.

- ❖ Imam Al-Ghazali dan para penerusnya ikhwan Tariqat Al-Ghazaliyyah berusaha untuk berjimat dalam beristilah. Daripada sekian banyak istilah yang mempunyai maksud yang sama atau lebih kurang sama, mereka akan memilih satu dua sahaja. Yang penting bagi mereka ialah perjalanan menuju matlamat, bukannya menyibukkan diri dengan pengertian pelbagai istilah itu, yang memang akan memakan banyak masa dan tenaga untuk mengambil tahu tentangnya.
- ❖ Setiap sesuatu ada makanan lazatnya, dan makan lazat bagi nur akal ialah ilmu dan ma'rifatullah.
- ❖ Lagi hebat sesuatu itu, lagi hebatlah nilai ilmu tentangnya. Lagi mulia sesuatu itu, lagi mulialah nilai ilmu tentangnya. Lagi agung sesuatu itu, lagi agunglah nilai ilmu tentangnya. Lagi penting sesuatu itu, lagi pentinglah nilai ilmu tentangnya. Adakah lagi yang lebih hebat, lebih mulia, lebih agung dan lebih penting daripada Allah SWT? Tentunya tidak ada. Oleh itu, ilmu tentang Allahlah yang paling utama.
- ❖ Sebab itulah syaitan sangat tidak suka jikalau manusia dan jin belajar dan beramal dengan ilmu mengenal Allah (ma'rifatullah) dan ilmu cinta Allah. Antara cara syaitan menjauhkan manusia daripada ilmu dan amalan ini ialah :
  - Dengan cara kasar iaitu menjauhkan kita daripada agama. Golongan ini yang paling ramai.
  - Apabila tidak berjaya menjauhkan mangsanya daripada agama, dengan cara halus syaitan akan mendorong agar orang-orang yang minat dengan agama ini menyibukkan diri dengan jujuk-jujuk agama yang lain sehinggakan mereka terabai akan ilmu dan amal bahagian ini.
  - Dan seterusnya apabila gagal juga menjauhkan mangsanya daripada ilmu dan amal ini, dengan cara yang lebih halus syaitan terpaksa membiarkan mangsanya mencari ilmu ini dan beramal dengannya, tetapi syaitan akan berusaha menggelincirkannya.

## **Batiniyyah, Syiah, Falsafah Berbeza dengan Tasawuf, Sufi**

Golongan batiniyyah, syi'ah dan falsafah membuatkan golongan tasawuf/sufi dipandang negatif oleh sebahagian masyarakat. Hal ini kerana seringkali puak-puak batiniyyah, syi'ah dan falsafah ini turut mendakwa bahawa mereka juga kaum tasawuf/sufi.

Keadaan ini diburukkan lagi apabila rata-rata ahli masyarakat kita memang tidak ada ilmu untuk membezakan antara kaum batiniyyah/syi'ah/falsafah dengan kaum tasawuf sufi, termasuklah sebahagian lulusan agama sendiri. Maka golongan tasawuf dan sufi yang benar pun dianggap sebagai golongan berfahaman batiniyyah/syi'ah/falsafah, dan golongan batiniyyah/syi'ah/falsafah pula dianggap sebagai aliran tasawuf/sufi. Semua dianggap sama, padahal jauh berbeza.

Namun yang paling malang sekali apabila ada lulusan agama yang jahil dalam hal ini ataupun yang memang berniat jahat, cuba mempengaruhi masyarakat agar menolak dan memusuhi kaum tasawuf dan sufi dengan cara menyamakan atau mengaitkan tasawuf sufi dengan puak batiniyyah/syi'ah/falsafah.

Oleh itu orang ramai mestilah sangat berhati-hati. Jika sedar yang diri belum ada ilmu dan kemahiran untuk membezakan yang mana batiniyyah/syi'ah/falsafah dan yang mana tasawuf/sufi, janganlah menulis, memperkatakan, mengisyaratkan, atau mengkongsikan sesuatu yang kita tidak ada pengetahuan tentangnya. Orang yang bijaksana tentunya tidak akan mudah-mudah mempercayai segala dakwaan yang dibuat walau oleh sesiapa sahaja.

Alam tasawuf alam yang bersih. Bukan sekadar bersih luaran, tetapi yang lebih diutamakan ialah bersih yang dalaman. Selagi dalaman tidak banyak yang bersih, selagi itulah sebenarnya kita masih memerhati tasawuf dari jauh, walaupun kita sangkakan kita sudah banyak belajar/ambil tahu tentang tasawuf. Ringkas kata, sesuatu yang tidak bersih tidak akan dapat bertempat pada yang bersih. - Abu Zulfiqar, 8 November 2015

*\*Semua rakaman audio/video pengajian kitab Ihya' 'Ulumuddin ini boleh diulang tonton di Youtube.*